



Kami semakin hampir dengan komuniti Kajang. Lokasi strategik serta dilengkapi dengan fasiliti mesra penumpang bagi memudahkan perjalanan anda.

> **DIBUKA MULAI 13 MAC 2023**

www.ktmb.com.my

KAJANG

KAJANG 2

UKM



STESEN KERETA API KAJANG 2 AKAN BEROPERASI PADA 13 MAC 2023

SEPANG, 10 Mac 2023 – Stesen Kereta Api Kajang 2 yang mula beroperasi pada 13 Mac 2023 (Isnin) ini, bakal memberi pilihan kepada penduduk di kawasan Kajang dan Bangi untuk menikmati kemudahan pengangkutan awam yang lebih selamat dan kondusif.

Sebanyak 46 perkhidmatan tren akan beroperasi pada Hari Bekerja, manakala 33 perkhidmatan tren pada Hari Minggu dan Kelepasan Am. KTM Komuter akan menggunakan jadual waktu semasa dengan kekerapan 30 minit pada waktu puncak dan 60 minit di luar waktu puncak.

Perkhidmatan tren pertama dari Stesen Kajang 2 ke KL Sentral ialah pada jam 6.15 pagi, manakala tren terakhir dari KL Sentral ke Kajang 2 pada jam 10.45 malam pada hari bekerja.

Manakala pada hari minggu dan kelepasan am, tren pertama dari Kajang 2 pada jam 7.11 pagi dan tren terakhir dari KL Sentral ke Kajang 2 pada jam 10.43 malam .

Para pengguna digalakkan untuk menggunakan kad Komuter Link atau Touch 'n Go sebagai mod bayaran bagi memastikan kelancaran pergerakan ke destinasi serta dapat mengurangkan kesesakan di stesen. Jadual waktu terkini boleh didapati di laman sesawang rasmi KTMB atau memuat turun aplikasi MyRailtime untuk memudahkan orang ramai merancang perjalanan yang lebih selesa dan kondusif dengan perkhidmatan KTM Komuter.

Dengan kemampuan untuk mengendalikan 400 penumpang pada satu-satu masa, stesen kereta api ini dibina di kawasan seluas 87,120 kaki persegi (2 ekar) dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya:

- 500 kawasan tempat letak kenderaan,
- Jejantas pejalan kaki dengan lif bagi menghubungkan penduduk di kawasan perumahan Seksyen 5, Kajang,
- empat (4) buah escalator;
- fasiliti mesra Orang Kurang Upaya (OKU),
- lapan (8) kios jualan yang sedia untuk disewa,
- kamera pengawasan keselamatan di lokasi yang strategik,
- kawasan menurunkan penumpang (drop-off area); dan
- kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti tandas, surau dan platform berbumbung.

Untuk makluman, dua (2) buah stesen terhampir iaitu Stesen Keretapi Kajang dan Bangi mencatatkan jumlah pengguna sebanyak 1,328 sehari (484,688 setahun) dan 624 sehari (227,611 setahun) pada tahun 2022.

Pembinaan stesen kereta api ini juga dilihat mampu menampung kepadatan kenderaan yang menggunakan bangunan parkir bertingkat di Stesen Keretapi Kajang. Pada masa ini, bangunan parkir bertingkat itu telah mencapai kapasiti maksima iaitu 1,180 petak parkir sehari. Dengan adanya kemudahan 500 tempat letak kenderaan di Stesen Kereta Api Kajang 2 dengan tiga (3) petak merupakan parkir OKU, ianya memberikan pilihan terbaik untuk penduduk berhampiran menggunakan stesen kereta api ini bagi mendapatkan pengangkutan awam. Pengendalian tapak parkir ini akan dioperasikan oleh pihak Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. dengan caj maksima sebanyak RM5.50 sehari.

Pembinaan stesen kereta api ini merupakan in-kind yang diterima Perbadanan Aset Keretapi (RAC) hasil daripada pajakan tanah kereta api seluas 597,041.8 kaki persegi

(13 ekar) kepada pihak Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB) melalui *Development Cum Lease Agreement* (DCLA) pada tahun 12 Oktober 2012.

Projek penswastaaan pajakan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 8 Februari 2012 dengan tempoh pajakan bermula dari 8 Oktober 2018 sehingga 7 Oktober 2078.

Sekian, terima kasih.

PERBADANAN ASET KERETAPI

10 MAC 2023

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media

Unit Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Aset Keretapi

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222 | E-mel : info@rac.gov.my

Media Sosial : [Railway Assets Corporation](#)

WhatsApp : [Respon@RAC 019-200 8533](https://www.whatsapp.com/channel/0029va2118182533) : Laman Web: www.rac.gov.my

Tentang KTMB:

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ialah pengendali perkhidmatan pengangkutan rel negara di sepanjang 1,655 km rangkaian kereta api dengan 92 stesen dan 75 perhentian di seluruh Semenanjung Malaysia. KTMB menyediakan perkhidmatan penumpang (ETS, KTM Intercity, KTM Komuter dan Skypark Link) dan barangan (KTM Kargo).

Pertanyaan Media

1. Noor Shahdiella Abd Manan (019-3246036)
2. Nurul Asyura Abdul Rahman (018-278 9784)
3. Mohd Hafeezul Kadiron (017-268 6337)